

# Tingkat kepakaran bidang perkayuan

**Serdang:** Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalin kerjasama dengan Borneo Forestry Cooperative (BFC) menerusi pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) bagi meningkatkan produktiviti penanaman pokok dan penyelidikan bersama.

Kerjasama yang dijalankan melalui Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HiCoE), Institut Pertanian Tropika dan Produk Hutan (INTROP) itu bakal memberi manfaat kepada warga kedua-dua institusi untuk berkongsi maklumat melalui penganjuran bengkel, ceramah, seminar serta persidangan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof Dr Zulkifli Idrus, berkata kerjasama itu juga akan membuka peluang

untuk pembangunan modal insan khususnya untuk pelajar universiti penyelidikan terbabit dan kakitangan BFC, terutama dalam meningkatkan pengetahuan membabitkan industri perkayuan tempatan.

Katanya, pihaknya juga memberi peluang kepada BFC untuk menyambung pengajian kakitangannya yang menyaksikan tujuh tempat disediakan di INTROP untuk melanjutkan pengajian ijazah sarjana pengambilan sesi 2018/2019.

"Mereka akan menjalankan projek pelbagai bidang dengan topik penyelidikan meliputi penambahbaikan pokok, kultur tisu, tanah, perosak dan penyakit, pemadanan spesies sampingan, kualiti kayu, kredit karbon dan kesan

sosioekonomi.

"Kerjasama ini juga menggalakkan saintis pelawat dari BFC untuk berkongsi kepakaran dan pengetahuan mereka, terutama dalam penanaman pokok kayu putih (Eucalyptus)," katanya pada majlis menandatangani MoU di UPM, baru-baru ini.

## **Tambahbaik produktiviti**

Pada majlis itu, Zulkifli mewakili UPM, manakala BFC diwakili Pengerusinya, David Boden dan disaksikan Pengarah INTROP, Prof Dr Ahmad Ainuddin Nuruddin serta Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan BFC, Hattah Jaafar.

Sementara itu, Boden berkata, objektif penubuhan BFC sejak lapan tahun lalu adalah untuk menambahbaik produktiviti dan keuntungan



**Zulkifli (dua dari kiri) bertukar** dokumen MoU dengan Boden sambil disaksikan Ahmad Ainuddin (kiri) dan Hattah.

penanaman pokok di Borneo dan rantau Asia Tenggara menerusi program penyelidikan dan perkongsian maklumat dalam kalangan organisasi ahlinya.

Sehubungan itu, katanya, penting untuk meningkatkan

kepakaran penyelidik untuk mencapai objektif menerusi akademik, sokongan daripada pakar dan perkongsian dengan penyelidik lain.

"Kerjasama dengan INTROP UPM menjadi langkah penting dalam proses

menjayakan objektif BFC terutama dalam meningkatkan kepakaran penyelidik serta menjalankan penyelidikan bersama untuk manfaat industri perhutanan di Malaysia dan rantau ini," katanya.